

Jenis Akhbar : Bernama Online  
Tarikh : 19/11/2017  
Edisi / Muka Surat : [www.bernama.com](http://www.bernama.com)

## MACCOPS 2017 Jana Jualan RM184 Juta Dalam Tempoh Lima Hari



PETALING JAYA, 19 Nov (Bernama) -- Karnival Produk dan Perkhidmatan Koperasi Malaysia (MACCOPS) 2017 yang berakhir hari ini berjaya menjana nilai jualan dan kerjasama perniagaan sebanyak RM184 juta.

Jumlah ini turut merangkumi jumlah jualan yang terjana daripada pepadanan perniagaan antarabangsa, pepadanan perniagaan tempatan, kerjasama koperasi dengan koperasi, pempamer

dan pepadanan perniagaan antara koperasi tempatan.

Menurut Naib Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) Datuk Kamarudin Ismail, MACCOPS 2017 turut menyaksikan tiga memorandum perjanjian dimeterai meliputi kerjasama dalam bidang kesihatan, ternakan lembu tenusu dengan koperasi dari Korea Selatan dan satu kerjasama dalam bidang latihan renal.

Sementara itu ketika merasmikan penutupan MACCOPS 2017 di sini, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Henry Sum Agong berkata sambutan luar biasa dari koperasi dalam dan luar negara yang ditunjukkan terhadap MACCOPS 2017 membuktikan bahawa gerakan koperasi di Malaysia mula mendapat perhatian dunia.

Beliau berkata sehubungan dengan itu, koperasi sewajarnya berusaha gigih bagi mewujudkan rangkaian pemasaran dan mengukuhkan lagi jenama produk dan perkhidmatan yang ditawarkan.

Karnival yang berlangsung sejak 15 Nov mengumpulkan sebanyak 142 pempamer koperasi tempatan dan 20 pempaper koperasi antarabangsa antaranya dari China, India, Thailand, Indonesia, Australia dan New Zealand.

-- BERNAMA